



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

19 JUN 2026 (JUMAAT)

Ladang Ayam Punca Bau Busuk, Pencemaran Air

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	19	19 Jun

Ladang ayam punca bau busuk, pencemaran air

MELAKA – Misteri bau busuk dan pencemaran air sungai yang dialami penduduk di Tambak Paya di sini, terbongkar apabila ia didakwa berpunca daripada tindakan melepaskan air sisa basuhan reban ke anak sungai oleh sebuah ladang ayam yang menempatkan lebih 333,000 ekor ayam penelur.

Kegiatan itu diketahui selepas Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) Melaka menjalankan pemeriksaan susulan aduan penduduk yang mendakwa berlaku pencemaran air serta gangguan bau di kawasan berkenaan.

Pengarah BKSA Melaka, Azizul Adzran Mahmor berkata,

hasil pemeriksaan mendapati premis terbabit tidak mempunyai kolam enapan bagi merawat air sisa sebelum dilepaskan ke parit.

Menurutnya, air basuhan reban yang berwarna coklat dan berbau itu didapati mengalir terus ke anak sungai sebelum memasuki Sungai Ayer Molek.

"Premis berkenaan mempunyai tujuh reban yang menempatkan kira-kira 333,918 ekor ayam penelur.

"BKSA telah mengeluarkan Notis Seksyen 8 Enakmen Sumber Air Negeri Melaka 2014 dan mengarahkan syarikat untuk menghentikan serta-merta pencemaran," katanya.



ALIRAN air sisa basuhan reban yang dipercayai menjadi punca pencemaran anak sungai di kawasan Tambak Paya, Ayer Molek, Melaka baru-baru ini.

Ladang Ayam diberi Notis 14 Hari Bersih Kawasan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	18	19 Jun

Pencemaran anak sungai di kawasan Tambak Paya

Ladang ayam diberi notis 14 hari bersih kawasan

Melaka: Sebuah ladang ayam penelur di Tambak Paya di sini diberi tempoh 14 hari untuk melaksanakan kerja pembaikan selepas diarahkan menghentikan serta-merta pelepasan air sisa yang disyaki menjadi punca pencemaran anak sungai berhampiran.

Pengarah Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) Melaka, Azizul Adzran Mahmor, berkata tindakan itu diambil susulan operasi pemeriksaan dan penguatkuasaan yang dijalankan selepas menerima aduan penduduk berhampiran mengenai pencemaran serta bau kurang menyenangkan di kawasan berkenaan.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati premis terbabit didakwa tidak mempunyai kolam enapan bagi merawat air sisa sebelum dilepaskan ke parit tanah berhampiran.

"Malah, air basuhan reban yang berbau dan berwarna cok-

lat didapati dilepaskan secara terus ke anak sungai sebelum mengalir ke Sungai Ayer Molek.

"Premis itu mempunyai tujuh reban yang menempatkan kira-kira 333,918 ayam penelur," katanya ketika dihubungi, semalam.

Azizul Adzran berkata, BKSA turut mengambil sampel air di lokasi terbabit untuk tujuan analisis lanjut bagi mengenal pasti tahap pencemaran yang berlaku dan keputusan dijangka akan diperolehi dalam tempoh dua minggu.

Katanya, pihak penguatkuasa sudah mengeluarkan Notis Seksyen 8 Enakmen Sumber Air Negeri Melaka 2014 yang mengarahkan syarikat menghentikan serta-merta pelepasan air sisa melaksanakannya kerja pembaikan dalam tempoh berkenaan.

Selain itu, Notis Seksyen 39 turut dikeluarkan berhubung kes-



Ladang ayam penelur di Tambak Paya diarah henti serta-merta pelepasan air sisa disyaki jadi punca pencemaran anak sungai berhampiran.
(Foto ihsan BKSA)

lahan pencemaran sungai. "Kita mengarahkan pihak syarikat menghentikan sumber pencemaran dengan serta-merta untuk mereka melaksanakan

kerja pembaikan dalam tempoh ditetapkan. "Kita akan menjalankan pemeriksaan semula sebaik tempoh notis tamat bagi mem-

tikan semua arahan dipatuhi," katanya.

Beliau menjelaskan antara tindakan susulan yang dicadangkan ialah pembinaan kolam enapan yang berfungsi secara efisien selain pemantauan berterusan dan pembukaan kertas siasatan berhubung kes berkenaan.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek, Datuk Rahmad Mariman turun padang meninjau sendiri lokasi yang dipercayai menjadi punca pencemaran bau serta air kotor di beberapa sungai dalam kawasan pentadbirannya.

Tinjauan di kawasan kebun sawit di hujung Kampung Seberang Anak Air, Tiang Dua, di sini membawa kepada penemuan aliran air berwarna gelap yang dipercayai mengandungi sisa buangan dari kawasan industri berhampiran.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR